

**PENULISAN DAN PENYEBARAN KARYA-KARYA TERKENAL ILMU NAHW
SEHINGGA KEMUNCULANNYA DI ALAM MELAYU: SUATU PENELITIAN
KHUSUS TERHADAP *AL-^CAWAMIL AL-MI'AH***

Amer Hudhaifah Hamzah

Ahmad Arifin bin Sapar

ABSTRAK

Ilmu bahasa Arab, khususnya Nahw, dianggap sangat penting oleh orang Melayu, sehingga pada abad ke 19 sudah ada sebilangan ulama Melayu yang menguasai ilmu Nahw dan menghasilkan karya-karya terkenal. Tetapi sehingga hari ini latar belakang penyebaran dan pengajian ilmu Nahw di Alam Melayu masih sangat kabur. Antara punca kegagalan penyelidik mengkaji aspek penting ini adalah kerana kekurangan sumber dan ketidakjelasan metode yang boleh digunakan. Justeru, kajian ini telah berusaha ke arah meneliti sebahagian sejarah ilmu Nahw di Alam Melayu, terutamanya berkaitan karya *al-^CAwamil al-Mi'ah* yang banyak tersebar manuskripsinya di seluruh Nusantara. Penelitian mengkhususkan aspek penyebaran karya *al-^CAwamil* di Timur Tengah dan dari itu menduga bilakah ia tiba di Alam Melayu. Bagi mencapai hasrat ini, pengkaji telah membina data Shurrah sebagai salah satu cara yang logik untuk mengesan penyebaran karya atau ideologi. Ia merupakan suatu metode yang dikembangkan dari amalan-amalan pengkaji dan filologi Arab semenjak kira-kira setengah abad yang lalu. Menerusi data Shurrah dan kajian Pensejarahan, pengkaji mendapat bahawa karya *al-^CAwamil al-Mi'ah* telah tersebar di tiga wilayah utama di dunia, iaitu: Wilayah Timur (Zon 1) yang mencangkupi Iran dan kawasan-kawasan sekitarnya seperti Afghanistan, Pakistan dan Azerbaijan. Wilayah Barat (Zon 2) yang merupakan keseluruhan negara Turki termasuk Greece dan Bosnia Herzegovina. Wilayah Selatan (Zon 3) iaitu Syria, Mesir, Arab Saudi dan Yaman. Berdasarkan trend penyebaran ini serta lonjakan penggunaan karya *al-^CAwamil* di Arab Saudi bermula abad ke 11H/17M, diduga bahawa karya *al-^CAwamil* mendapat permintaan tinggi dari pelajar-pelajar Melayu yang baru tiba ke tanah Arab pada waktu tersebut. Ini bermakna pengaruh karya *al-^CAwamil* dibawa pulang oleh para pelajar ini untuk menjadi salah satu sukanan pengajian ilmu Nahw di Alam Melayu bermula abad ke 11H/17M.

Abstract

Knowledge of Arabic, particularly arabic grammar is considered very important by the Malays, so that in the 19th century there were already a number of Malays scholar who mastered Arabic grammar and produced prominent works in this field. Therefore, this study has tried to investigate the history of Arabic grammar in Malay world, especially in relation to the work of *al-^CAwamil al-Mi'ah* which the manuscripts of it were widely distributed throughout the archipelago. To achieve this goal, researchers have developed *Shurrah* data as one of the logical ways to track the dissemination of this work. Based on the *Shurrah* data and the historical Studies, researchers have found that *al-^CAwamil al-Mi'ah*'s work has spread to three major regions of the world, namely: Eastern Region (Zone 1) covering Iran and surrounding areas such

as Afghanistan, Pakistan and Azerbaijan . The Western Region (Zone 2) which is the whole of Turkey including Greece and Bosnia Herzegovina. The southern regions (Zone 3) are Syria, Egypt, Saudi Arabia and Yemen. Based on these trends as well as a surge in the use of the spread of *al-‘Awamil al-Mi’ah* in Saudi Arabia starting at 11H / 17M century, alleged that the work of al-‘Awamil high demand of Malay students who had just arrived to Arabia at the time of the gesture. This means that the influence of al-‘Awamil taken home by students is to become one of the syllabus of Arabic Grammar in the Malay starting 11H / 17M century.

PENDAHULUAN

Ilmu Nahw merupakan antara ilmu yang terkenal di Alam Melayu pada abad ke 19 dan 20 masihi. Data kitab kuning Martin Van Bruinessen (1995: 134) dan koleksi Dayah Tanoh Abee (2006: xviii) dilihat cukup berharga dalam menggambarkan keistimewaan ilmu Nahw dalam kalangan masyarakat Melayu-Islam, khususnya di Nusantara. Walaupun sejarah telah membuktikan orang Melayu menguasai ilmu Nahw sejak abad ke 19M lagi, selain karya-karya yang mereka hasilkan begitu bernilai sehingga ia diguna pakai termasuk oleh orang Arab sendiri, namun pengetahuan kita mengenai perkembangan amalan ilmu Nahw di kepulauan Melayu masih sangat terbatas. Sehingga hari ini, tiada sebarang kajian yang menekankan aspek waktu kemunculan ilmu Nahw di Alam Melayu dan karya yang digunakan. Antara faktor masalah ini adalah kekurangan sumber dan ketidakjelasan metode yang boleh digunakan bagi merekonstruksi sejarah awal pendidikan ilmu Nahw di Dunia Melayu. Sehubungan itu menerusi artikel ini, pengkaji cuba menjawab persoalan-persoalan tersebut berdasarkan data Shurrah bagi karya *al-‘Awamil al-Mi’ah* yang menjadi subjek kajian, di samping menjelaskan bagaimana data Shurrah mampu membekalkan maklumat kepada pengkaji dalam menyelidik penyebaran sesuatu karya atau ideologi. Perlu dijelaskan bahawa karya *al-‘Awamil al-Mi’ah* dipilih sebagai subjek kajian kerana jumlah manuskriptnya yang tersebar di seluruh Alam Melayu adalah besar, menunjukkan ia pernah digunakan secara meluas dalam kalangan orang Melayu masa lampau. Selain yang telah dinyatakan di atas, kajian ini juga cuba mengaitkan hubungan antara satu kitab dengan kitab yang lain dalam bidang Nahw dengan memfokuskan aspek pengaruh yang ada. Justeru pengkaji akan menyorot sejarah pengarangan dalam bidang Nahw bermula era Abu al-Aswad al-Du’ali dan para pelajarnya.

SEJARAH PENULISAN DALAM BIDANG NAHW

Sebelum awal kemunculannya pada pertengahan abad pertama hijrah (7 masihi), ilmu Nahw cumalah satu disiplin ilmu sampingan dan teori tentatif yang dibincangkan di celahan perbahasan ilmu-ilmu utama yang lain seperti Tafsir, Hadis, Qira’at dan Fiqh. Ilmu Nahw tidak pernah dibukukan secara sempurna meskipun setelah Khalifah ‘Ali ibn Abi Talib r.a. mengarahkan Abu al-Aswad al-Du’ali mengkajinya sebagai sebuah bidang yang bebas. Mungkin kerana tradisi ilmu yang digerakkan oleh para sahabat dan tabi’in pada zaman tersebut masih sangat bergantung kepada penyampaian lisan dan kekuatan hafalan, berikutnya kekurangan peralatan menulis dan fenomena buta huruf (*ummiyyah*) masih menebal ketika itu, justeru kehebatan para penghafal ilmu lebih ditonjolkan berbandang penghasilan karya-karya baik dan berkualiti. Qatadah ibn Di‘amah al-Dawsi mungkin contoh terbaik untuk menggambarkan kehebatan para tabi’in dalam menghafal sehingga Ibn ‘Abbas r.a., Ahmad ibn Hanbal dan Ibn Sirin menyaksikan bahawa

beliau merupakan manusia paling kuat hafalannya. Qatadah dikatakan tidak memerlukan sebarang rujukan untuk mengeluarkan fatwa kerana keupayaan hafalan mengagumkan yang dimilikinya. (Muhammad al-Khudari Bek 1967: 134-135)

Hakikatnya, kepentingan menyusun dan membukukan ilmu Nahw bukanlah bermaksud untuk membatasi usaha positif seorang pelajar yang mahu ilmu itu disimpan di dalam dada mereka, tetapi ia bertujuan menjamin keaslian dan kelestarian ilmu itu dari generasi ke generasi seperti yang difahami dari 2 bait puisi berikut:

الْوَاثِقَةُ	بِالْحِيَالِ	صُبُودُكَ	فَيَدُهُ	فَيَدُهُ	وَالْكِتَابَةُ	صَيْدُ	الْعِلْمُ
طَالِفَةٌ	الْخَلَائِقِ	بَيْنَ	وَتَقْوِيْثُهَا	أَنْ تَصِيدَ	غَرَّالَةً	الْحَمَاقَةِ	فَمِنْ

Terj.: “Ilmu umpama haiwan buruan dan menulis adalah cara untuk mengikatnya. Ikatlah haiwan buruanmu dengan ikatan yang kemas, (kerana) merupakan suatu kebodohan engkau menangkap seekor rusa tetapi engkau meninggalkannya di mana-mana tanpa sebarang ikatan”. Menerusi tindakan Khalifah ^cAli ibn Abi Talib r.a. yang menyerahkan kepada Abu al-Aswad بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ, الكلام كله اسم و فعل و حرف، فالاسم ما أنبأ عن المسمى ”وال فعل ما أنبأ عن حركة المسمى و الحرف ما أنبأ عن معنى ليس باسم ولا فعل berdasarkan riwayat al-Qifti (1986 Jil. 1: 39), dapat ditafsirkan bahawa Khalifah mengharapkan usaha Abu al-Aswad dapat dibukukan, namun hasrat itu tidak mampu ditunaikan kerana Abu al-Aswad sendiri merupakan seorang yang buta huruf. Kerana itu setiap hasil penelitian Abu al-Aswad tidak dicatat sendiri oleh beliau, tetapi dibantu oleh salah seorang muridnya, iaitu Yahya ibn Ya^cmur al-^cAdwani. (Ibn al-Nadim t.th.: 61)

Lembaran yang diberikan Khalifah ^cAli kepada Abu al-Aswad meskipun tidak mencapai tahap suatu inisiatif untuk membukukan ilmu Nahw secara sempurna seperti yang diinginkan, tetapi sekurang-kurangnya ia boleh dianggap proto-karya yang merekodkan permulaan era penulisan dalam bidang Nahw. Inisiatif Khalifah ^cAli ini bagaimanapun tetap diusahakan oleh Abu al-Aswad dalam segala kekurangan, sehingga tercatat beberapa fasil penting seperti *al-Fa^cil*, *al-Maf^cul* dan *al-Ta^cajjub*. Tetapi hasil tangan ini tidak diterbitkan dan ia masih terlalu awal untuk disifatkan sebagai sebuah karya dalam erti katanya yang sebenar. Menurut sesetengah sumber, karya pertama yang dihasilkan dalam bidang Nahw adalah *al-Jami^c* dan *al-Ikmal* yang ditulis oleh ^cIsa ibn ^cUmar al-Thaqafi pada separuh pertama abad ke 2 hijrah (8 masihi). Hanya kedua-dua tulisan ini yang menepati ciri-ciri sebuah karya yang sempurna pada waktu itu. Namun sayang sekali, naskhah *al-Jami^c* dan *al-Ikmal* tidak pernah dibaca oleh sesiapa melainkan dua orang murid ^cIsa iaitu al-Khalil ibn Ahmad dan Sibawayh. Ulama terkemudian (*muta'akhkirun*) yang muncul selepas 350H/961M tidak berpeluang lagi untuk melihat karya ini kerana disahkan telah hilang. (al-Anbari 1985: 29-30) Menurut Brockelmann (1977 Jil. 2: 128-129) ulama terakhir yang sempat memegang beberapa helai manuskrip tinggalan dari karya ini adalah al-Mubarrid, murid Sibawayh yang wafat pada 286H/899M.

Setelah ^cIsa, tokoh ilmu Nahw yang menghasilkan karya adalah al-Khalil ibn Ahmad al-Farahidi. Lebih menarik kerana kedua-dua karya yang dinisbahkan kepada al-Khalil, iaitu *al-Jumal* dan sebuah puisi (*manzumah*) mengenai ilmu Nahw, dikatakan oleh sesetengah pengkaji, telah ditemui dan berjaya ditahqiq. Sehubungan itu, dekad-dekad terakhir abad ke 20 dan awal abad ke 21 menyaksikan polimik yang telah lama terpadam semenjak abad ke 16M akhirnya timbul kembali apabila Fakhr al-Din Qabawah dan Ahmad ^cAfifi menerbitkan edisi suntingan terhadap dua judul karya yang dikatakan milik al-Khalil ini pada tahun 1985 dan 1995. Tetapi masih ramai sarjana yang enggan menerima pandangan ini seperti Fa'iz Faris (1987), Husayn Barakat (2005) dan Su^cud Abu Taki (2005). Pandangan konfrontasi terhadap penisbahan kedua-dua karya ini kepada al-Khalil dijelaskan kerana mereka lebih percaya apa yang dikatakan sebilangan ulama tradisional yang mendakwa al-Khalil tidak pernah menghasilkan apa-apa karya dalam bidang Nahw. Kata-kata ini dinisbahkan kepada Abu al-Tayyib al-Lughawi. Ada juga yang cenderung menisbahkan karya *al-Jumal* kepada Ibn Shuqayr yang wafat jauh lebih lewat berbanding al-Khalil, iaitu pada 317H/929M. Puisi (*manzumah*) ilmu Nahw pula dinisbahkan kepada Ibn Abi Ghassan yang hidup pada abad 9H/15M seperti dakwaan Husayn Barakat (2005 Jil. 49: 118).

Melihatkan pertikaian ini dapat disimpulkan bahawa sebelum Kitab Sibawayh, penulisan dalam bidang Nahw sangat nadir. Tiada sebarang rekod atau hasil tulisan ulama pengasas ilmu Nahw melainkan ia dianggap telah hilang atau diragui penisbahannya. Justeru, kemunculan karya *al-Kitab* oleh Abu Bishr, ^cAmr ibn ^cUthman ibn Qanbar atau lebih dikenali sebagai Sibawayh telah menggemparkan kota Basrah pada ketika itu. Tambahan lagi pengarangnya adalah seorang pemuda parsi yang berusia kurang 30 tahun sewaktu *al-Kitab* diselesaikan. Diriwayatkan, tatkala Yunus ibn Habib mendengar berita mengenai *al-Kitab* yang merekodkan kebanyakan pandangan-pandangannya dan al-Khalil, beliau kehairanan dan meminta untuk diperlihatkan sendiri karya tersebut. Setelah melihat sendiri, barulah Yunus mengakui segala pandangannya yang dipetik oleh Sibawayh dalam *al-Kitab* adalah benar, dan sudah tentu apa yang dipetik dari al-Khalil juga begitu. (al-Safadi 2001 jil. 23: 69-70; Yaqt al-Hamawi 1993: 2123-2124) Kitab Sibawayh merupakan sebuah karya agung dalam bidang Nahw yang paling muktabar. Ia telah dibaca dan digunakan semenjak turun-temurun termasuk oleh pesaing Sibawayh sendiri, iaitu al-Kisa'i dan al-Farra' yang merupakan pemimpin dari aliran Kufah. Pengaruh *al-Kitab* yang begitu luas sehingga mencangkupi hampir setiap belahan dunia di mana ilmu Nahw sampai. Ujar Muhammad al-Tantawi (1995: 102): “منذ ألف الكتاب ما فارقه النحو وما تخلف هو عنه، بل كانا يقيمان معاً ويرحلان معاً، فطوف معه وانتقل من البصرة إلى الكوفة ثم بغداد ثم الأندلس...” Maksudnya: “Sejak *al-Kitab* ditulis, ia tidak dapat dipisahkan dari pengajaran ilmu Nahw. Kemana sahaja ilmu Nahw tiba, Kitab Sibawayh juga akan dibawa ke sana. Dari Basrah, pengaruh Kitab Sibawayh telah berpindah ke Kufah, Baghdad, Andalus, Sham dan Mesir...”.

PENULISAN ILMU NAHW SELEPAS AL-KITAB DAN PERMULAAN ERA KARYA RINGKAS

Kerana *al-Kitab*, Sibawayh telah diangkat secara kolektif menjadi pimpinan utama aliran Basrah, bahkan mengatasi al-Khalil, Abu al-Khattab dan Yunus yang merupakan guru-guru yang pernah mengajarnya. Selepas kewafatan Sibawayh, falsafah linguistik yang dipegang oleh aliran Basrah telah diterima pakai secara meluas di kebanyakan belahan dunia, sekaligus menjadikan ideologi ulama Basrah sebagai wawasan utama ulama Nahw terkemudian (*muta'akhkirun*). Mazhab aliran Baghdad yang mengamalkan sinkretisme kedua-dua aliran terawal, Basrah dan Kufah tetap mengakui keutuhan falsafah linguistik aliran Basrah walaupun dalam banyak situasi ulama Baghdad mengenepikan secara lembut pandangan ulama Basrah dalam hal-hal cabang kerana dianggap rigid.

Walaupun *al-Kitab* memperlihatkan ciri-ciri kesempurnaan, akan tetapi ia sangat sukar untuk dipelajari dan sulit difahami jika asas pengetahuan pembaca dalam bidang Nahw tidak begitu kukuh. Terutama sekali bagi pelajar-pelajar yang baru mengenali ilmu Nahw, *al-Kitab* bukanlah karya yang sesuai untuk dijadikan bahan bacaan dalam sesi pengajian. Skop perbahasan *al-Kitab* yang luas tidak terhad kepada ilmu Nahw (*Syntax*) sahaja, malah mencangkupi cabang-cabang linguistik lain seperti Sarf (*Morphology*), al-Dalalah (*Semasiology*), al-Sawtiyyat (*Phonetics*), al-Lahajat (*Dialectology*) dan lain-lain. Pengistilahannya pula panjang dan susunan perkataannya kompleks untuk dirungkai sehingga dirasakan masih terlalu awal untuk menganggap ilmu Nahw pada zaman itu telah matang aspek pembinaan istilahnya. (Iwad Hamd al-Quzi 1981: 79-83) Kedua-dua masalah ini mendesak para ulama Nahw selepas Sibawayh menulis karya alternatif. Sebilangan telah menghasilkan karya bebas, tidak mengaitkan secara langsung Kitab Sibawayh. Ada juga yang mengarang penjelasan terhadap *al-Kitab* secara keseluruhan atau hanya menangani aspek-aspek tertentu sahaja dari subjek *al-Kitab* yang luas. Walau bagaimanapun secara umumnya, semua hasil karya ini tidak mungkin terlepas sama sekali dari skop sebenar Kitab Sibawayh, memandangkan hampir kesemua isu linguistik Arab yang ada ketika itu telah dibahaskan di dalamnya secara tuntas dan terperinci, khususnya apabila sumber bahasa Arab yang *fasih* (menepati ciri-ciri ideal) hanya tercangkup kepada model yang ada dalam al-Qur'an al-Karim dan riwayat-riwayat autentik percakapan suku Arab sahaja. Termasuk dalam riwayat autentik adalah hadis-hadis yang diriwayatkan secara lafaz dari Baginda s.a.w.

Karya pertama yang ditulis selepas *al-Kitab* adalah *Muqaddimah fi al-Nahw* milik Khalaf ibn Hayyan al-Ahmar, teman seperguruan Sibawayh. Latar belakang dari kemunculan karya pengantar yang terdiri dari 17 halaman manuskrip ini antaranya, semenjak sekian lama ilmu Nahw dibahaskan oleh golongan khusus yang mendalam kitab suci al-Qur'an serta ilmunya, ramai belum menyedari kepentingan ilmu Nahw bagi diri serta keluarga mereka. Suku-suku Arab serta golongan *mawali* (orang Parsi yang tinggal bersama suku Arab), terutamanya yang berkepentingan politik seharusnya menyedari nilai ilmu ini demi menjaga maruah diri mereka, tetapi hal ini tidak berlaku mungkin kerana tiada satu silibus yang lengkap dan mudah untuk mereka pelajari. Kota Basrah bermula abad pertama hijrah/7 masih telah muncul sebagai kota perniagaan yang sibuk dan dipenuhi penutur Arab dan Parsi yang berkerja bersama dalam

pelbagai sektor. (Hasan Ibrahim Hasan 1996 Jil. 1: 411) Situasi ini telah menyebabkan percampuran bahasa tidak dapat dikawal dan akhirnya menularkan fenomena *lahn* (kesalahan bahasa) sehingga anak-anak orang Islam tidak mampu lagi membezakan mana bahasa yang betul dan mana yang salah. Apabila ilmu Nahw serta tokoh-tokohnya menjadi terkenal, selain Kitab Sibawayh mula mendapat perhatian masyarakat, ramai dari kalangan mereka yang tidak ada asas bahasa Arab yang kukuh berminat mempelajari ilmu Nahw. Sukatan pengajian waktu itu walau bagaimanapun kurang menyebelai mereka kerana ilmu Nahw yang diketengahkan oleh *al-Kitab* sangat rumit dan sukar difahami. Justeru karya *Muqaddimah* merupakan alternatif yang penting. (Khalaf al-Ahmar 1961: 33-34) Atas faktor ini, *Muqaddimah* dianggap karya pertama dihasilkan untuk tujuan memudahkan pengajian ilmu Nahw bagi kelompok tertentu di Basrah. Isi kandungannya memperlihatkan keserasian yang signifikan dengan *al-Kitab*. Kemunculan kedua-dua karya ini yang hampir seiring menjelaskan betapa aspek pengkaryaan dalam bidang Nahw pada abad ke 2H/8M sangat progresif dan berkait rapat dengan pengaruh *al-Kitab* waktu itu.

Masih terdapat beberapa karya lain yang ditulis sepanjang abad ke 2 dan 3 hijri (8 dan 9 masihi). Kitab Sibawayh dan *Muqaddimah* al-Ahmar boleh dikatakan sebagai pembuka jalan kepada penghasilan ini. Tetapi sebahagian karya yang dikatakan telah selesai sehingga kini masih belum ditemui. Contohnya kitab *al-Maqayis* dan *al-Awsat* yang ditulis oleh al-Akhfash, Sa^cid ibn Mas^cadah. Judul kedua-duanya menunjukkan ada kesinambungan usaha yang dipelopori oleh Sibawayh dan al-Ahmar. Judul *al-Maqayis* mengisyaratkan bahawa ia merupakan sebuah karya besar yang ditulis menyerupai *al-Kitab* mungkin juga bagi menjelaskan sebahagian dari gagasan isi *al-Kitab*, sedang judul *al-Awsat* pula menzahirkan semangat untuk mempermudah dan meringkaskan ilmu Nahw. Status al-Akhfash sebagai satu-satunya jalan bagi mencapai naskhah *al-Kitab* dengan riwayat terus dari Sibawayh menunjukkan bahawa beliau mempunyai autoritinya yang tersendiri di pihak gurunya, Sibawayh. Al-Akhfash yang jauh lebih berusia sememangnya mempunyai hubungan yang erat dengan Sibawayh kerana Sibawayh meluahkan kesedihannya kepada al-Akhfash saat dimalukan oleh al-Kisa'i dalam peristiwa *al-Zumburiyyah* yang terkenal. (^Abd al-Salam Harun 1988 Jil. 1: 18) Begitu juga mengenai karya *al-Awsat*, telah dinyatakan bahawa Kitab Sibawayh mungkin telah menginspirasikan penghasilan *Muqaddimah*, justeru penghasilan *al-Awsat* seolah-olah menjadi pengantara antara karya *Muqaddimah* dengan karyanya yang berjudul *al-Maqayis* atau Kitab Sibawayh itu sendiri. Selepas al-Akhfash, muncul pula al-Mazini yang menulis kitab *al-Tasrif* dan *al-Mubarrid*, pemilik karya *al-Muqtadab*. Para pengkaji seperti Muhammad ^Abd al-Karim ^Udaymah (1994 Jil. 1: 92-93) mengesahkan bahawa isi kandungan kedua-dua karya besar dalam bidang Sarf dan Nahw ini turut diceduk dari Kitab Sibawayh.

Sehubungan itu, sudah pasti bahawa *al-Kitab* sebagai karya sulung dalam bidang ini mempunyai pengaruhnya yang tersendiri dalam karya-karya terkemudian, yang hampir tidak terbatas oleh zaman dan tempat. Karya-karya terkenal abad kebelakangan terus-menerus memetik, menghujah, membincangkan dan menghurai teori Nahw berdasarkan Kitab Sibawayh. Keadaan ini berterusan sehinggalah pada abad ke 19 dan awal abad ke 20 di mana nama

“Sibawayh” terus menjadi sebutan termasuk dalam karya ulama Melayu seperti *Fath Ghafir al-Khatiyyah* dan *Tashil Nayl al-Amani*. Meskipun mungkin bukan secara langsung ulama Melayu merujuk kepada *al-Kitab*, namun pengaruh Sibawayh yang masih kuat dalam karya-karya terkenal zaman pertengahan seperti *Mughni al-Labib*, *Sharh Mulhat al-‘Irab*, *Hashiyat Yasin ‘ala Sharh al-Tasrih* dan *Kafiyat Ibn al-Hajib* telah mengekalkan pengaruh ini dalam kalangan ulama Melayu akhir abad ke 19. Salah sebuah karya ringkas yang dihasilkan bertitik tolak dari ideologi *al-Kitab* adalah *al-‘Awamil al-Mi’ah* yang mengembangkan teori ‘Amil yang diutarakan oleh Sibawayh dalam *al-Kitab*.

PENGUMPULAN DATA SHURRAH BAGI KARYA AL-‘AWAMIL AL-MI’AH

Perkataan “*Shurrah*” (شَرَّاح) dalam bahasa Arab merupakan kata jamak bagi “sharih” yang bermaksud pengulas atau orang yang membuat komentar terhadap sesuatu perkara atau isu. Ia berasal dari kata dasar شَرَحَ الْكَلَامِ yang membawa erti menghuraikan percakapan/teks sehingga menjadi satu perbincangan yang panjang lebar. (al-Mu‘jam al-Wasit 2004:477) Kemunculan golongan “*shurrah*” pada satu tahap merupakan fenomena perkembangan intelektual yang penting pernah disaksikan oleh Dunia Islam selama beberapa abad. Golongan ini lahir rentetan kegiatan ilmu yang berorientasikan teks *matn* (kitab sukatani) sebagai medium perbincangan dalam sesi pengajian. Golongan *Shurrah* hidup pada setiap abad, di lokasi-lokasi yang pelbagai dan sering kali berasingan. Berdasarkan fakta ini, golongan *Shurrah* berpotensi mewakili ahli zaman dan wilayah mereka bagi menggambarkan bentuk pendidikan Islam yang dialaminya pada waktu-waktu tertentu. Sehubungan itu, “*Data Shurrah*” yang dimaksudkan adalah sekumpulan fakta yang tidak tentu bilangannya, mengenai golongan *Shurrah* yang dikumpulkan dari katalog manuskrip, buku-buku bibliografi dan biografi, sebagai salah satu cara yang logikal untuk meneliti pergerakan atau pengaruh sesebuah karya, sekaligus mencerminkan gambaran dan trend penyebaran ideologi yang dikandungnya.

Metode penelitian ini merupakan suatu kesimpulan yang rasional dan berhubung rapat dengan logik mudah (*simple logic*) bahawa, sesebuah karya tidak mungkin diberi komentar melainkan ia diakui penting dan telah tersebar di satu-satu kawasan, dalam kelompok masyarakat tertentu. Semakin terkenal sesebuah karya, semakin pula ia mendapat perhatian golongan *Shurrah*. Sekiranya kumpulan fakta dalam jumlah yang sedikit itu dianggap logik, justeru dalam bilangan yang lebih besar ia wajar dianggap empirik, terutama sekali apabila ia dikendalikan secara sistematis. Bagi pengkaji, menggunakan data *Shurrah* memerlukan pengalaman yang luas dalam bidang sejarah, khususnya aspek biografi intelektual agar proses interpretasi tidak terganggu oleh timbunan fakta dan catatan tahun yang terlalu banyak. Walaupun tidak pernah digunakan secara serius sebagai sebuah metode penelitian sejarah, namun tanpa disedari logik mudah ini sebenarnya telah diterima pakai oleh ramai pengkaji dan filolog bermula setidak-tidaknya pada tahun 1970-an. Antara individu terawal yang menggunakan logik ini setakat informasi yang didapati pengkaji adalah ‘Abd al-Salam Harun (1988 Jil. 1: 35) dalam kajiannya mengenai Kitab Sibawayh apabila beliau didapati telah mengaitkan pengaruh *al-Kitab* dengan

kemunculan karya-karya komentarnya di Andalusia. Metode ini kemudiannya menjadi suatu tradisi dalam penyelidikan manuskrip apabila ramai filolog dan penyelidik Arab memenggunakannya dalam kajian mereka seperti ^cAmir al-Najjar (1992), Fayiz Zaki (2002) dan ^cAbd Allah ibn Muhammad al-Rumayan (2006) dari bermacam-macam bidang ilmu.

Berdasarkan dapatan pengkaji, karya *al-^cAwamil al-Mi'ah* telah diulas oleh lebih 60 orang ulama pelbagai bangsa, zaman dan tempat. Walau bagaimanapun, hanya 42 orang yang diketahui secara terperinci maklumat karya dan pengarangnya. Manakala yang lain diklasifikasikan sebagai data tidak lengkap. Justeru itu ia tidak akan diambil kira semasa proses analisis Pensejarahan. Sebilangan dari karya yang tersenarai ini didapati telah ditahqiq, sebahagian lagi dicetak percetakan batu, ada juga masih kekal sebagai manuskrip di beberapa repositori, termasuk di Malaysia, di samping sejumlah yang lain tersenarai sebagai karya yang telah hilang atau tidak dapat dikesan (مفقود).

Jadual 1: Data Shurrah bagi karya *al-^cAwamil al-Mi'ah*

Abad	Nama Pengarang	tahun	Daerah	Negara
6H/12M	Sa ^c id ibn Hibat Allah al-Rawandi	... – 573/1177	Kashan	Iran
7H/13M	Nasir al-Din al-Mutarrizi	538/1143 – 610/1213	Urganch	Uzbekistan
8H/14M	Ibrahim ibn Ahmad al-Jazari <i>الإعراب في ضبط عوامل الإعراب</i>	... – 709/1309	Cizre	Turki
	Shams al-Din al-Ba'li	645/1247 – 709/1309	Dimasyq	Syria
	Sa ^c d al-Din al-Taftazani	722/1322 – 792/1390	Taftazan	Iran
9H/15M	'Ali ibn Muhammad al-Jurjani al-Sharif	740/1339 – 816/1413	Shiraz	Iran
	Badr al-Din al- ^c Ayni <i>رسائل الفئة في شرح العوامل المائنة</i>	762/1361 – 855/1451	Aleppo	Syria
	Haji Baba al-Tusyawi <i>مائة كاملة في شرح مائة عاملة</i>	... - 870/1466	Tous	Iran
	Musannifak	803/1400 – 875/1470	Istanbul	Turki
	Muhammad ibn Amir al-Hajj <i>أحسن المحاصل في شرح العوامل</i>	825/1422 – 879/1474	Aleppo	Syria
	Mulla Jami <i>الفرح الكامل على شرح مائة عامل</i>	817/1414 – 898/1492	Herat	Afghanistan
	Yahya ibn Bakhshi <i>لمح المسائل النحوية شرح العوامل الجرجانية</i>	... - 900/1495	-	Turki
	Khalid al-Azhari	838/1434 – 905/1499	Kaherah	Mesir
10H/16M	'Abd al-Ghafur al-Lari	... - 912/1506	Jam	Iran
	Ibn al-Mudarris	... - 926/1520	Kutahya	Turki
	'Isam al-Din al-Asfirayini	873/1468 – 945/1538	Esfarayen	Iran
	'Ashiq ibn Qasim	... - 945/1538	Iznik	Turki
	Mustafa ibn Bahram	Hidup 953/1546	-	Turki
	Yahya ibn Nusuh ibn Isra'il	... - 960/1553	Amasya	Turki
	Tashkubri zada	901/1495 – 968/1561	Istanbul	Turki
	Muhammad ibn Sha ^c ban	... - 980/1572	-	Bosnia

	Shams al-Din al-Tumurtashi	939/1532 – 1004/1596	Gaza	Palestine
11H/17M	Ahmad ibn Ḥabd al-Qadir al-Isra’ili <i>كتش المنظوم شرح مائة عامل</i>	957/1550 – 1015/1606	Ar-Rawdah	Yemen
	Abu al-‘Izz al-Qaysuni <i>طراز الحلة البهية شرح ألفاظ العوامل</i>	... - 1040/1631	Kaherah	Mesir
	Ibrahim al-Kurani <i>التسهيل شرح عوامل الجرجاني</i>	1025/1616 – 1101/1690	Madinah	Arab Saudi
	Muhammad Muqim ibn Muhammad Baqir al-Asfahani	... - 1111/1699	Isfahan	Iran
12H/18M	Muhammad ibn Musa al-Qidhfi	... - 1120/1708	-	Dagestan
	Muhsin ibn Tahir al-Qazwini	Hidup 1128/1716	Qazvin	Iran
	Al-Fadil al-Hindi	1062/1652 – 1137/1725	Isfahan	Iran
	Ilyas ibn Ibrahim al-Kurdi	1047/1637 – 1138/1726	Dimasyq	Syria
	Al-Babataghi al-Rumi <i>الفرائد العاملية في حل العوامل الفاهرية</i>	... - 1140/1728	-	Turki
	Dawud ibn Muhammad al-Qarisi al-Rumi <i>معجب الأذكيا شرح عوامل الجرجاني</i>	... - 1169/1756	Kaherah	Mesir
	Hasan ibn Musa al-Bani al-Kurdi	... - 1148/1736	Dimasyq	Syria
	‘Abd al-Rahman al-‘Aydarus	1135/1723 – 1192/1778	Kaherah	Mesir
13H/19M	Al-Mantiqi al-Falurinah wi ‘Abd al-Fattah al-Khatib <i>تيسير المطالب في شرح العوامل</i>	... - 1244/1828 1250/1834 – 1305/1888	Florina Dimayq	Greece Syria
	Muhammad Sadiq ibn Darwish <i>جامع الفوائد في شرح العوامل المائة</i>	13H/19M	Sindh	Pakistan
	Muhammad ibn Abi Sa‘id Khan Sa‘d Allah al-Saghir	13H/19M 13H/19M	-	Pakistan Turki
14H/20M	Muhammad ibn Sulayman al-Tunkabuni	1230/1815 – 1320/1902	Tonekabon	Iran
	Ahmad al-Fatani <i>تسهيل نيل الأمانى في شرح عوامل الجرجاني</i>	1272/1856 - 1325/1908	Mekah	Arab Saudi
	‘Ali ibn Muhsin al-Jaylani	... - 1380/1960	Hadramaut	Yemen

Sumber: Kajian (2019)

Seperkara yang wajar ditegaskan dalam menggunakan Data *Shurrah* adalah, catatan tahun yang digunakan merupakan tahun kewafatan pengarang, bagi mengantikan tahun penulisan karya yang hampir kesemuanya tidak jelas. Sebilangan kecil pula hanya diketahui abad, tidak diketahui secara tepat tahun kewafatan pengarang. Oleh itu, catatan tahun yang bersifat numerik dalam kajian ini tidak boleh diterima secara mutlak. Ini bagi mengelakkan pertembungan antara unsur Generalisasi dalam sejarah dengan data. Maksudnya sukar bagi kita menerima secara logik tanggapan bahawa karya *al-‘Awamil* lebih dahulu tersebar di Cizre, Turki sebelum ia tersebar di Isfahan. Sudah tentu kerana lokasi Isfahan lebih dekat dengan Kashan dan Gorgan di samping ia merupakan sebuah bandar besar dan antara pusat pengajian ilmu di Iran, ia jauh lebih berpotensi mengikuti perkembangan ilmu di Gorgan dan Kashan. Namun maklumat

berdasarkan data adalah sebaliknya kerana karya komentar hanya muncul di Isfahan pada abad ke 16M iaitu dua abad selepas kemunculannya di Cizre. Bagi mengatasi masalah ini, pengkaji telah menggunakan kaedah membahagi-bahagiakan wilayah kepada zon agar pertembungan antara unsur Generalisasi dan data dapat diharmonikan. (Lihat rajah 2)

SEJARAH PENULISAN DAN PENYEBARAN AL-^CAWAMIL AL-MI'AH BERDASARKAN DATA SHURRAH

Setelah kota-kota di Asia Tengah berjaya dibuka oleh Mu^cawiyah ibn Abi Sufyan kira-kira pada tahun 50H/670M, wilayah Khurasan telah menjadi tempat pengusiran seorang tokoh ilmu Nahw yang terkenal iaitu Yahya ibn Ya^cmur. Beberapa sumber menegaskan beliau diusir dari Basrah oleh al-Hajjaj ibn Yusuf al-Thaqafi antaranya kerana ketegasannya menegur al-Hajjaj yang tersalah baris sewaktu membaca al-Qur'an sehingga Yahya wafat di Khurasan pada 129H/747M. (al-Anbari 1989: 25-26) Tempoh kehadiran Yahya di wilayah Khurasan dianggap sebagai permulaan kemunculan ilmu Nahw di Asia Tengah sehingga kemasyhurannya pada abad ke 4 hijrah (10 masihi) apabila ^cAdud al-Dawlah, pemerintah kedua Dinasti Bani Buwayh sendiri dikatakan sangat arif mengenai ilmu Nahw. Saat itu sehingga abad ke 11H/17M merupakan zaman kegemilangan ilmu Nahw di Transoxiana menyebabkan ramai ulama Nahw lahir di kawasan tersebut seperti Abu ^cAli al-Farisi (w. 377H/987M), Muhammad ibn Bahr al-Asbahani (w. 322H/934M) dan Muhammad ibn Ibrahim al-Juri (w. 354H/965M) di samping ada juga yang berasal dari timur datang bertandang seperti Ibn Durayd al-Basri (w. 311H/923M). (^cAbd al-Hadi al-Fadli 1986: 56-57)

Setelah pemergian Abu ^cAli al-Farisi ke Baghdad, hampir tiada ulama terkenal dalam bidang Nahw yang tinggal di Iran. Gorgan yang terletak di utara Iran berasas baik kerana Abu al-Hasan Muhammad ibn al-Husayn al-Farisi atau lebih dikenali sebagai Ibn ^cAbd al-Warith yang merupakan anak saudara Abu ^cAli al-Farisi menuju ke sana. Melalui beliau, ^cAbd al-Qahir al-Jurjani mendalami ilmu Nahw khususnya karya Abu ^cAli yang berjudul *al-Idah* dan *al-Takmilah*. Meskipun tidak pernah menemui ulama-ulama Nahw besar yang lain dari Baghdad, namun ^cAbd al-Qahir telah mengejutkan majoriti pengamal ilmu Nahw dengan penulisan beberapa karya penting dalam bidang Nahw dan Balaghah seperti *al-Mughni fi Sharh al-Idah*, *Dala'il al-I'jaz* dan *Asrar al-Balaghah*. Antara karya ^cAbd al-Qahir yang terkenal selama berabad-abad sehingga hari ini adalah *al-^cAwamil al-Mi'ah* yang ditulis bagi menerangkan hubungan antara perkataan dalam teks terutamanya hubungan yang dikenali sebagai teori ^cAmil. Teori ini mengetengahkan kesan satu kelas perkataan yang dikenali sebagai ^cAmil terhadap perkataan lain dari segi I^crab.

Karya ringkas (kira-kira 3 halaman manuskrip) yang bertujuan mempermudahkan hafalan itu mengumpulkan 100 ^cAmil yang paling kerap digunakan dalam bahasa Arab sebagai satu titik permulaan kepada pengajian ilmu Nahw bagi masyarakat bukan Arab. Ia paling banyak dikenali di benua bukan Arab seperti Iran, Eropah Tenggara, Transoxiana, Anatolia, Azerbaijan, dan Asia Tenggara. Tidak dinafikan karya *al-^cAwamil al-Mi'ah* turut digunakan di beberapa negara Arab seperti Yaman, Mekah dan Madinah namun faktornya mungkin kerana ramai pendatang bukan Arab juga tinggal di kawasan itu. Hadramaut merupakan wilayah perdagangan laut yang terkenal khususnya di Teluk Parsi dan Malabar (India Selatan) bermula abad ke 2 sebelum masihi lagi. (Jawad ^cAli 1993 Jil. 2: 135) Mekah dan Madinah pula menjadi pusat keagamaan orang Islam sejak berlakunya pembukaan kota Mekah pada tahun ke 8 hijrah/629 masihi. Setelah agama Islam tersebar ke wilayah ^cAjam sebelum pertengahan abad pertama hijrah/7 masihi, Mekah dan Madinah menjadi dua kota kosmopolitan yang sentiasa sibuk kerana menerima kunjungan berterusan umat Islam seluruh pelusuk dunia bagi mengerjakan haji dan umrah.



Rajah 1: Keseluruhan 3 halaman manuskrip *al-^cAwamil al-Mi'ah* yang bertarikh 1819 disimpan oleh *Idarat al-Makhtutat wa al-Maktabah al-Islamiyyah*, Kuwait.

Berdasarkan data *Shurrah*, dapat diperhatikan trend penyebaran karya *al-^cAwamil al-Mi'ah* yang bermula di Kashan, sebuah bandar kuno Iran pada tahun 573H/1177M iaitu kira-kira seabad selepas kewafatan ^cAbd al-Qahir. Sudah menjadi kebiasaan sesebuah buku atau karya tidak akan menjadi begitu terkenal melainkan seketika setelah kewafatan pengarangnya, barulah masyarakat mula memberikan perhatian mereka kepada karya tersebut dengan menulis ulasan, komentar dan huraiyan. Setelah 3 dekad, pengaruh *al-^cAwamil* tiba pula di Urganch, ibu kota lama Khawarizm yang kini menjadi sebuah bandar di barat Uzbekistan. Karya *al-^cAwamil* telah berjaya menarik minat Nasir al-Din al-Mutarrizi yang menjadi mufti dan mengajar di Urgench untuk menulis sebuah komentar yang panjang, di samping mengembangkan teori ^cAmil ^cAbd al-Qahir melalui karya peribadinya yang berjudul *al-Misbah fi ^cIlm al-Nahw*. Kerana ketokohan al-Mutarrizi dalam bidang Nahw dan Balaghah di samping kemampuannya menghasilkan karya-karya kesusastraan Arab termasuk puisi, beliau dianggap sebagai pengganti

kepada Jar Allah al-Zamakhshari yang terkenal hampir di seluruh empayar Islam pada abad ke 6H/12M. (*al-Mawsu'ah al-'Arabiyyah al-'Alamiyyah* 1999 Jil. 23: 421)

Pada 709H/1309M, pengaruh karya *al-'Awamil al-Mi'ah* telah tiba di Cizre, Turki dari arah timur (Iran). Seorang ulama Cizre yang dikenali sebagai Ibrahim ibn Ahmad al-Jazari telah menulis komentar terhadap karya ini dan memberinya judul *al-I'rab fi Dabit 'Awamil al-I'rab*. Di samping itu, kedudukan wilayah Cizre yang terletak begitu hampir dengan persepadanan Syria dan Iraq juga memberi isyarat bahawa pengaruh *al-'Awamil* telah tiba di kedua-dua negara berkenaan pada waktu yang relatif sama. Pernyataan ini boleh dibuktikan melalui sebuah kitab komentar yang dikarang oleh Shams al-Din al-Ba'li, ulama Dimashq yang hidup sezaman dengan Ibrahim ibn Ahmad al-Jazari. Dari kota Dimashq, al-Ba'li yang kemudiannya mengembara dan akhirnya menetap di Kaherah, Mesir sehingga kewafatannya pada 709H/1309M mungkin merupakan individu pertama yang membawa masuk pengaruh *al-'Awamil* ke kota itu. (al-Zirikli 2002 Jil. 6: 326) Karya ini kemudiannya digunakan sebagai antara *matn* (silibus) paling dasar pengajian ilmu Nahw di Masjid al-Azhar pada abad ke 9H/15M. Memandangkan ketika itu al-Azhar menjadi tumpuan pelajar dari pelbagai pelusuk dunia Islam, Khalid ibn 'Abd Allah al-Azhari yang menyedari akan kepentingan karya *al-'Awamil al-Mi'ah* bagi pelajar peringkat asasi telah menghasilkan komentarnya sehingga menjadi karya rujukan di Masjid al-Azhar. (Muhammad 'Abd al-Mun'im Khafaji & 'Ali 'Ali Subh 2012: 95; al-Badrwi Zahran (png.) t.th.: 53)


Gorgan, Cizre dan Dimasyq merupakan titik permulaan masuknya pengaruh karya *al-'Awamil al-Mi'ah* ke tiga kawasan besar empayar Islam berdasarkan pemetaan pengkaji. (Lihat rajah 2) Dari Gorgan, karya *al-'Awamil* telah sampai ke kebanyakan bandar dan kota di Iran seperti Isfahan, Qazvin, Shiraz, Esfarayen, sehingga mencapai Urganch, Uzbekistan di wilayah paling Utara, Herat di Afghanistan paling timur, Sindh, Pakistan di arah Tenggara, Jam di selatan dan Dagestan di barat laut Iran. Kawasan ini dikategorikan sebagai Zon Satu (Wilayah Timur) yang memperlihatkan trend penyebaran secara sederhana dan konsisten antara abad ke 6H/12M sehingga abad ke 14H/20M. Manakala di Zon Dua (Wilayah Barat), karya *al-'Awamil* tersebar secara perlahan pada abad ke 8 dan 9 hijri (14, 15 masih) tetapi berlaku lonjakan pada abad ke 10H/16M mungkin kerana kemasyhuran Mulla Jami, seorang ulama Nahw dan sasterawan berbangsa Parsi yang menetap di Afghanistan pada abad ke 9H/15M dalam kalangan ulama Timur Tengah. (al-Zirikli 2002 Jil. 3: 296) Mulla Jami dikatakan sangat terkenal sehingga berita kehebatannya sampai ke telinga Sultan Muhammad *al-Fatih* dan baginda menjemputnya ke Istanbul tetapi Mulla Jami enggan hadir. Dikatakan bahawa Sultan Yazid *al-Thani* juga menjemput beliau tetapi hampa sehingga berita kewafatannya heboh di Herat pada 898H/1492M. Karya komentar Mulla Jami diberi judul *al-Farah al-Kamil 'ala Sharh al-'Awamil*. Trend penyebaran karya *al-'Awamil* di Zon Dua adalah memanjang dari timur (Cizre) sehingga ke Bosnia-Herzegovina di Eropah Tenggara (barat) dan Florina di Greece (selatan).

Zon Tiga (Wilayah Selatan) bagi penyebaran karya *al-^cAwamil al-Mi'ah* bermula di Dimashq pada abad ke 8H/14M, kemudian tersebar di Kaherah pada abad ke 9H/15M, seterusnya ke Arab Saudi dan Yaman pada abad ke 11H/17M. Tidak dapat dipastikan apakah pengaruhnya yang tiba ke Mekah-Madinah merupakan rentetan dari perkembangannya di Dimashq atau Kaherah kerana setiap tahun umat Islam dari kedua-dua kota ini datang ke Mekah untuk mengerjakan haji. Namun apa yang pasti bagi pengkaji, pengaruhnya di beberapa kawasan di Yaman adalah hasil dari perkembangannya yang pesat di kota kosmopolitan Mekah-Madinah. Sekiranya pengaruh karya *al-^cAwamil al-Mi'ah* melonjak di Turki pada abad ke 10 hijri (16 masihi), tetapi di Zon Tiga, pengaruhnya melonjak lewat seabad selepas itu. Bermula abad ke 11H/17M, penggunaan karya *al-^cAwamil* di kota Kaherah, Dimashq, Mekah, Madinah, Yaman dan Palestin dilihat meningkat secara aktif dan konsisten sehingga pada abad ke 14H/20M. (Lihat carta 1)

Barangkali antara faktor terbesar yang menyumbang kepada fenomena ini adalah kemudahan pengangkutan laut untuk mengerjakan Haji dan Umrah yang dicapai di Asia Tenggara pada abad ke 11H/17M. Seawal abad ke 9H/15M lagi sebenarnya orang Melayu-Islam telah tiba ke tanah suci Mekah dan Madinah dengan menggunakan kapal layar, tetapi kemudahan pengangkutan untuk mengerjakan Haji dari Asia Tenggara hanya benar-benar tersedia pada abad ke 11H/17M. Di peringkat awal, iaitu kira-kira pada tahun 1400-an, hanya orang-orang istana seperti sultan atau laksamana yang mampu belayar jauh ke tanah Arab kerana memiliki kapal besar dan kelengkapan yang cukup, seperti yang terdapat dalam catatan Tomes Pires dan *Hikayat Hang Tuah*. (Tome Pires 1944 Jil. 2: 251; *Hikayat Hang Tuah* 1997: 494) Namun pada tahun 1600-an, didapati ramai masyarakat Melayu-Islam telah tiba di tanah suci Mekah. Antara mereka, ada yang pergi bukan sekadar untuk mengerjakan Haji, malah bertujuan menuntut ilmu seperti Abdul Rauf Singkel, Muhammad Yusuf Makassar dan Tok Ku Pulau Manis Terengganu (nama sebenar Abdul Malik bin Abdullah). Situasi ini menyebabkan timbulnya istilah terkenal dalam kalangan ulama Haramayn bagi merujuk orang-orang Melayu di sana, iaitu “*Ashabuna al-Jawiyyun*”. (al-Hamawi 2011 Jil. 1: 467; Ahmad al-Fatani 1884: 3) Antara ulama Madinah yang menulis komentar terhadap karya *al-^cAwamil al-Mi'ah* adalah Ibrahim al-Kurani yang merupakan guru kepada ramai pelajar Melayu abad ke 11H/17M antaranya Abdul Rauf Singkel dan Muhammad Yusuf Makassar.



Rajah 2: Peta penyebaran karya *al-'Awamil al-Mi'ah* antara abad ke 6H/12M sehingga abad ke 14H/20M



Carta 1: Kegiatan *Shurrah* bagi karya *al-'Awamil al-Mi'ah* antara abad ke 6H/12M sehingga pertengahan abad ke 14H/20M

KESIMPULAN

Berdasarkan data *Shurrah* yang dikumpul dan analisis Pensejarahan yang dijalankan, dapatkan menunjukkan karya *al-^cAwamil al-Mi'ah* yang ditulis oleh ^cAbd al-Qahir al-Jurjani merupakan salah satu karya terkenal ilmu Nahw antara abad ke 6H/12M sehingga 14H/20M. Tetapi karya ini kebanyakannya digunakan oleh pelajar-pelajar bukan Arab seperti Parsi, Kurdi, Uzbek, Pashtun, Punjabi, Malayali, Azerbaijani, Avar, Turki, Bosniak, Melayu, Jawa dan lain-lain. Dapatkan ini menepati kata-kata Ahmad al-Fatani dalam karyanya yang berjudul *Tashil Nayl al-Amani* (1884: 3):
لأن مبتدئي الأتراك والهنود يعتنون بهذا المتن كما أن أهل اليمن يعتنون بمتنا الملحقة للحريري وأهل مكة ومصر بالأجرمية، وأما أهل بلادنا في هذا المتن ثم بالأجرمية...
maksudnya: “Kerana pelajar peringkat dasar berbangsa Turki dan India sangat mementingkan matn ini (yakni *al-^cAwamil al-Mi'ah*) sama seperti orang Yaman mementingkan matn *al-Mulhah* karya *al-Hariri* dan orang Mekah dan Mesir mementingkan *al-Ajurrumiyyah*, sedang orang-orang dari negeri kita (yakni Melayu dan Jawa) pula mementingkan matn ini kemudian *al-Ajurrumiyyah*”. Tiga wilayah utama yang terlibat dalam penyebaran karya *al-^cAwamil* adalah; pertama: Wilayah Timur (Zon 1) yang mencangkupi negara Iran, Azerbaijan, Dagestan, Uzbekistan, Afghanistan dan Pakistan, kedua: Wilayah Barat (Zon 2) yang terdiri daripada Turki, Greece, Bulgaria, Albania, Montenegro, Kosovo dan Bosnia-Herzegovina, dan terakhir: Wilayah Selatan (Zon 3) termasuk Syria, Jordan, Palestin, Lubnan, Iraq, Mesir, Arab Saudi dan Yaman. Selain itu, kajian juga menunjukkan karya *al-^cAwamil al-Mi'ah* tiba ke Alam Melayu adalah melalui Mekah dan Madinah. Ia tiba sekitar abad ke 11H/17M dikala ramai pelajar-pelajar bangsa Melayu mampu sampai ke kedua-dua tanah suci berkenaan kerana kemudahan pengangkutan laut yang tersedia waktu itu.

RUJUKAN

- ^cAbd al-Salam Harun (pngr.). 1988. *Kitab Sibawayh*. Cet. 3. Al-Qahirah: Maktabat al-Khanji.
- Al-Mawsu^cah al-^cArabiyyah al-^cAlamiyyah*. 1999. Cet. 3. Al-Riyad: Encyclopedia Works Publishing & Distribution.
- Martin Van Bruinessen. 1995. *Kitab Kuning, Pesantren dan Tarekat: Tradisi-tradisi Islam di Indonesia*. Cet. 2. Bandung: Penerbit Mizan.
- Oman Fathurahman *et. al.* 2010. *Katalog Naskhah Dayah Tanoh Abie Aceh Besar*. Jakarta: Tokyo University of Foreign Studies (TUFS), PPIM UIN Jakarta dll.
- Hikayat Hang Tuah*. 1997. Pngr. Kassim Ahmad. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad al-Fatani. 1884. *Tashil Nayl al-Amani fi Sharh ^cAwamil al-Jurjani*. Al-Qahirah: al-Matba^cah al-Bahiyyah.
- Al-Badrwi Zahran (pngr.). t.th. *al-^cAwamil al-Mi'ah al-Nahwiyyah fi Usul ^cIlm al-^cArabiyyah*. Cet. 2. Al-Qahirah: Dar al-Ma^carif.

Al-Hamawi, Mustafa ibn Fath Allah. 2011. *Fawa'id al-Irtihal wa Nata'ij al-Safar fi Akhbar al-Qarn al-Hadi 'Ashar*. Tahqiq 'Abd Allah Muhammad al-Kandari. Dimashq: Mu'assasat Dar al-Nawadir.

Muhammad 'Abd al-Khalil 'Udaymah (pngr.). 1994. *Al-Muqtadab*. Al-Qahirah: Wizarat al-Awqaf, al-Majlis al-'Ala li al-Shu'un al-Islamiyyah & Lajnat Ihya' al-Turath al-Islami.

Muhammad 'Abd al-Mun'im Khafaji & 'Ali 'Ali Subh. 2012. *Al-Azhar fi Alf 'Am*. Cet. 3. Al-Qahirah: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turath & al-Jazirah li al-Nashr wa al-Tawzi'.

Al-Zirkli, Khayr al-Din. 2002. *Al-A'lam Qamus Tarajim li Ashhar al-Rijal wa al-Nisa' min al-'Arab wa al-Musta'ribin wa al-Mustashriqin*. Cet. 15. Bayrut: Dar al-'Ilm li al-Malayin.

Al-Anbari, Abu al-Barakat Kamal al-Din 'Abd al-Rahman ibn Muhammad. 1989. *Nuzhat al-Alibba' fi Tabaqat al-Udaba'*. Tahqiq Ibrahim al-Samirra'i. Cet. 3. Al-Zarqa': Maktabat al-Manar.

Fakhr al-Din Qabawah (pngr.). 1985. *Kitab al-Jumal fi al-Nahw*. Bayrut: Mu'assasat al-Risalah.

Ahmad 'Afifi (pngr.). 1995. *Al-Manzumah al-Nahwiyyah al-Mansubah ila al-Khalil ibn Ahmad al-Farahidi*. al-Qahirah: Matba'at Dar al-Kutub al-Misriyyah.

Al-Mu'jam al-Wasit. 2004. Cet. 4. Al-Qahirah: Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah & Maktabat al-Shuruq al-Dawliyyah.

Tome Pires. 1944. *The Suma Oriental of Tome Pires*. Pngr. Armando Cortesao. London: The University Press Glasgow.

'Abd al-Hadi al-Fadli. 1986. *Marakiz al-Dirasat al-Nahwiyyah*. Al-Zarqa': Maktabat al-Manar.

'Amir al-Najjar. 1992. *Nazarat fi Fikr al-Ghazali*. Cet. 2. Al-Qahirah: Dar al-Ma'arif.

'Abd Allah ibn Muhammad al-Rumayan. 2006. *Ara' al-Qurtubi wa al-Maziri al-Itqadiyyah min Khilal Sharhayhima li Sahih Muslim*. Mekah: Dar Ibn al-Jawzi.

Fayiz Zaki (pngr.). 2007. *Tawjih al-Luma' Sharh Kitab al-Luma' li Ibn Jinni*. Cet. 2. Al-Qahirah: Dar al-Salam li al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi' wa al-Tarjamah.

Al-Muzzi, al-Hafiz Jamal al-Din Abu al-Hajjaj Yusuf. 1988. *Tahdhib al-Kamal fi Asma' al-Rijal*. Tahqiq Bashshar 'Awwad Ma'ruf. Bayrut: Mu'assasat al-Risalah.

Muhammad al-Tantawi. 1995. *Nash'at al-Nahw wa Tarikh Ashhar al-Nuhah*. Cet. 2. Al-Qahirah: Dar al-Ma'arif.

Khalaf al-Ahmar. 1961. *Muqaddimah fi al-Nahw*. Tahqiq 'Izz al-Din al-Tanukhi. Dimashq: Mudiriyyat Ihya' al-Turath al-Qadim, Wizarat al-Thaqafah wa al-Irshad al-Qawmi.

Al-Safadi, Salah al-Din Khalil ibn Aybak. 2001. *Kitab al-Wafi bi al-Wafayat*. Tahqiq Ahmad al-Arna'ut dan Turki Mustafa. Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

Yaqut al-Hamawi al-Rumi. 1993. *Mu^cjam al-Udaba' Irshad al-Arib ila Ma^crifat al-Adib*. Tahqiq Ihsan^c Abbas. Bayrut: Dar al-Gharb al-Islami.

Carl Brockelmann. 1977. *Tarikh al-Adab al-^cArabi*. Terj. ^cAbd al-Halim al-Najjar. Cet. 4. Al-Qahirah: Dar al-Ma^carif.

^cIwad Hamd al-Quzi. 1981. *Al-Mustalah al-Nahwi Nash'atuh wa Tatawwuruh hatta Awakhir al-Qarn al-Thalith al-Hijri*. Al-Riyad: ^cImadah Shu'un al-Maktabah bi Jami^cat al-Riyad.

Su^cud ibn Ghazi Abu Taki. 2005. *Khasa'is al-Ta'lif al-Nahwi fi al-Qarn al-Rabi^c al-Hijri*. Al-Qahirah: Dar Gharib li al-Tiba^cah wa al-Nashr wa al-Tawzī^c.

Fa'iz Faris (Pngr.). 1987. *Al-Muhalla (Wujuh al-Nasb)*. Irbid: Mu'assasat al-Risalah wa Dar al-Amal.

Husayn Barakat. 2005. Al-Manzumah al-Nahwiyyah laysat li al-Khalil Qat^ca. *Majallat Ma^chad al-Makhtutat al-^cArabiyyah* 49(1-2): 89-129.

Al-Qifti, Jamal al-Din Abu al-Hasan ^cAli ibn Yusuf al-Qifti. 1986. *Inbah al-Ruwah ^cala Anbah al-Nuhah*. Tahqiq Muhammad Abu al-Fadl Ibrahim. Cet. 1. Al-Qahirah dan Bayrut: Dar al-Fikr al-^cArabi & Mu'assasat al-Kutub al-Thaqafiyyah.

Ibn al-Nadim, Abu al-Faraj Muhammad ibn Ishaq al-Warraq. t.th. *al-Fahrast*. Bayrut: Dar al-Ma^crifah.

Hasan Ibrahim Hasan. 1996. *Tarikh al-Islam al-Siyasi wa al-Dini wa al-Thaqafi wa al-Ijtima^ci*. Cet. 14. Al-Qahirah dan Bayrut: Maktabat al-Nahdah al-Misriyyah dan Dar al-Jil.